



**KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN**
Unit Komunikasi Korporat
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4, 62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 03 8891 5564
Faks : 03 8891 5557
Laman Web : www.kpkt.gov.my
Email : media.ukk@kpkt.gov.my
Twitter : @kpkt_gov
Facebook/ : KPKT Malaysia

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.45 (14)
Tarikh : 30 Mac 2020

KENYATAAN MEDIA

KPKT LAKSANA OPERASI SANITASI AWAM SEPANJANG TEMPOH PKP

PUTRAJAYA, 30 Mac 2020 – YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan hari ini telah turun padang menyaksikan buat pertama kalinya Operasi Sanitasi Awam dijalankan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) di Masjid Al-Falah, Kampung Sungai Ramal Dalam, Kajang dan Pasar Awam Jalan Othman, Petaling Jaya.

KPKT melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) selaku ketua operasi dan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) telah diberi tanggungjawab untuk melaksanakan kerja-kerja sanitasi awam.

Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di negeri dan daerah terlibat bersama dengan SWCorp melalui syarikat-syarikat konsesinya akan melaksanakan kerja-kerja sanitasi awam ini termasuk di negeri-negeri yang tidak menguatkuasakan Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672).

Pelaksanaan kerja-kerja sanitasi awam ini akan dilaksanakan secara berfasa seperti berikut:

- i. fasa pertama – kawasan kes tinggi (*red zone area*) dan kerja-kerja sanitasi akan dijalankan secara serentak;
- ii. fasa kedua – kawasan kes sederhana (*orange zone area*) dan kerja-kerja sanitasi akan dijalankan secara berperingkat.

Mulai Isnin ini, kerja-kerja sanitasi awam ini akan dijalankan di enam daerah zon merah iaitu Lembah Pantai, Petaling, Hulu Langat, Seremban, Johor Baharu dan Kluang dan ia melibatkan kerja-kerja sanitasi perabot jalan, kemudahan awam, pasar-pasar awam, laluan siar kaki, hab-hab pengangkutan awam dan lain-lain. Operasi ini akan turut dilaksanakan di kawasan Program Perumahan Rakyat (PPR) yang berada di dalam daerah zon merah.

Dalam hubungan ini, KPKT memohon supaya komuniti setempat di kawasan yang terlibat untuk memberi kerjasama agar pelaksanaan kerja-kerja sanitasi awam ini dapat dijalankan dengan baik.

KPKT akan mengambil tanggungjawab untuk melaksanakan kerja-kerja sanitasi di tempat awam manakala bagi premis-premis persendirian, kerja-kerja sanitasi perlu dilaksanakan oleh pemilik dengan tanggungan sendiri.

Sekian, terima kasih.

YB Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin
Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang diterajui oleh YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin terdiri daripada enam Jabatan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata, 6. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan; satu badan berkanun persekutuan iaitu Solid Waste Corporation Malaysia; dan tiga buah agensi iaitu Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PRIMA Malaysia.

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my*